

TEORI MASLOW DAN KAITANNYA DENGAN KEHIDUPAN MUSLIM

(Maslow's Theory and its Relation to Muslim's Life)

¹ NOR NAZIMI MOHD MUSTAFFA

² JAFFARY AWANG

³ AMINUDIN BASIR@AHMAD

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

³ Pusat Citra Universiti (CITRA UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Teori Maslow mempunyai pengaruh yang luas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia baik dari segi falsafah, agama, psikologi dan juga pendidikan. Teori Maslow mengemukakan lima tahap keperluan yang perlu dipenuhi oleh manusia untuk mencapai kesempurnaan hidup. Namun begitu, teori ini mempunyai kelemahan dari sudut ketuhanan, yang mana unsur ketuhanan menjadi unsur paling utama dalam kehidupan seorang Muslim. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk membincangkan teori Maslow dan kaitannya dengan kehidupan Muslim. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan metodologi analisa dokumen dan kajian ini tidak melibatkan sebarang data atau sampel kajian. Hasil kajian menjelaskan lima tahap keperluan yang dikemukakan oleh teori Maslow mempunyai perkaitannya dengan kehidupan Muslim dalam mencapai kehidupan yang sempurna akan tetapi dasar kepada hierarki keperluan seorang Muslim perlu disandarkan kepada Allah SWT atau unsur ketuhanan. Dalam agama Islam lima tahap yang perlu dilalui oleh seorang

Muslim adalah lima tahap dalam *maqasid syariah* yang bertepatan dengan konsep kehidupan Muslim yang terbina atas prinsip akidah, akhlak dan syariah.

Kata kunci: Teori Maslow; lima tahap keperluan manusia; kehidupan Muslim; ketuhanan; *maqasid syariah*

ABSTRACT

Maslow's theory influences various aspects of human life in terms of philosophy, religion, psychology and education. Maslow's theory suggests five levels of human's needs that must be fulfill by humans to reach a perfection of life. However, this theory has the disadvantage about divinity which is the most important element in Muslim's life. Therefore, this paper aims to discuss Maslow's theory and its relations to the lives of Muslims. This study is a qualitative study using document analysis methods and this study did not involve any data or samples. The findings from this study stated that the five levels of human's needs proposed by Maslow's theory related to Muslim life in achieving a perfect life but the basic of Muslim's hierarchy needs is Allah SWT or divinity element. In Islam, five levels that need to be traversed by a Muslim is five levels in maqasid syariah which is coincides with the concept of Muslim life. The concept of Muslim life is built on the principle of faith, morals and syariah (Islamic laws).

Keywords: *Maslow's theory; human needs; Muslim's life; divinity; maqasid syariah*

LATAR BELAKANG MASLOW

Abraham H. Maslow dilahirkan di New York pada tahun 1908 merupakan seorang ahli psikologi yang terkenal dengan teori tahap keperluan manusia (Maslow 1943). Pendidikan awal beliau ialah dalam bidang undang-undang namun terbengkalai. Beliau telah memperolehi B.A di University of Wisconsin pada tahun 1930, MA pada tahun 1931 dan Ph.D pada tahun 1934. Beliau meninggal dunia pada tahun 1970 akibat serangan jantung. Beliau adalah presiden kepada Persatuan Psikologi Amerika. Beliau juga seorang tokoh yang mempunyai keistimewaan bekerja dengan beberapa orang tokoh psikologi terdahulu seperti Alfred Adler, Eric Fromm, Karen Horney, Harry Harlow, Edward Thorndike, Wolfgang Kohler dan Kurt Koffka (Nedra H. Francis & William Allan Kritsonis 2006).

Karya-karya beliau yang cukup terkenal ialah *Motivation and Personality* (1954), *Towards Psychology Being* (1968), *Religions, Values and Peak Experiences* (1964), *Eupsychian Management: A Journal* (Oktober 1965), *The Psychology of Science: A*

Reconnaissance (1966), *A Theory of Metamotivation: The Biological Rooting of the Value Life* (1967) dan, *The Father Reaches of Human Nature* (1967).

PENGARUH TEORI MASLOW

Secara umumnya, teori Maslow telah mempengaruhi pelbagai pemikiran falsafah dan agama dengan meluas pada awal kemunculannya (Child 1973). Sebagai contoh, teori ini telah muncul sebagai alternatif baru kepada bidang psikologi Barat. Bermula pada tahun 1950, teori ini telah memberi pengaruh yang besar melalui konsep semulajadi manusia (Maslow 1968).

Di Barat teori Maslow telah mempengaruhi bidang kajian psikologi manusia, sains sosial, sosiologi dan politik (Ardrey 1970). Selain itu, teori ini juga telah mempengaruhi bidang ekonomi dari dahulu sehingga sekarang. Ahli-ahli ekonomi seperti Little (1957), Encarnacion (1964) dan Lavoie (2004) telah mengaplikasikan teori keperluan Maslow ke dalam bidang ekonomi dengan skala yang luas. Teori ini turut diaplikasikan dalam bidang kaunseling pada awal abad pertama (Colin 2011). Di Nusantara pula khususnya di Indonesia, sebagai contoh, teori ini diaplikasikan dalam bidang pendidikan. Berdasarkan kajian, proses pembelajaran juga mampu berjalan dengan baik melalui aplikasi teori ini (Uci Sanusi 2013). Teori ini juga mampu memotivasikan tahap peningkatan kualiti diri pelajar dalam aspek pendidikan (Ratna Syifa'a Rachmahana 2008).

TEORI MASLOW

Maslow telah memperkenalkan teori *humanistik* dalam aspek pembangunan manusia. Teori ini mengutamakan aspek kesediaan moral dan juga potensi. Selain itu, teori *humanistik* mengutamakan perkara-perkara yang berkaitan dengan manusia secara individu dan juga kaitannya dengan sekeliling. Di samping itu juga, teori *humanistik* memfokuskan kesedaran sendiri dalam diri individu, keunikan diri dan kepentingan manusia lain terhadap individu. Teori ini mengutamakan manusia merupakan paksi keutamaan dan pembuat keputusan (Azizi Yahaya 2005 & Maslow 1943).

Pembangunan manusia menurut Maslow ialah berpandukan kepada pembangunan tahap keperluan manusia. Menurut Maslow, manusia mempunyai keperluan asas. Apabila manusia dapat memenuhi keperluan asas maka, akan memotivasikan manusia untuk mencapai kepuasan dalam diri mereka sendiri. Ini disokong oleh teori hierarki keperluan yang diperkenalkan oleh Maslow (1908-1970). Beliau menjelaskan, jika keperluan manusia tidak dipenuhi maka jiwa manusia akan terganggu. Manusia adalah satu jasad yang sedar yang mempunyai perasaan ideal dan tujuan. Faktor-faktor inilah yang sangat penting untuk memahami tingkah laku manusia. Keperluan

manusia terbahagi kepada dua kategori iaitu keperluan manusia kepada harga diri dan keperluan kepada dihargai oleh orang lain. Individu yang memenuhi keperluan harga diri akan lebih percaya kepada diri sendiri dan akan menyebabkan individu tersebut lebih produktif. Sebaliknya individu yang tidak memiliki atau kurang harga diri akan diselubungi oleh rasa rendah diri dan menimbulkan putus asa dan tingkah laku yang tidak baik (Maslow 1954).

Maslow memperkenalkan teori piramid keperluan manusia yang terdiri daripada tahap asas keperluan dan matlamat bagi seseorang individu. Tahap paling bawah ialah tahap fisiologi iaitu keperluan kepada makanan, udara dan sebagainya. Tahap kedua ialah keperluan kepada keselamatan. Menurut beliau keperluan yang paling atas hanya akan dipenuhi setelah keperluan paling bawah dipenuhi. Tahap ketiga ialah keperluan sosial iaitu keperluan kepada memberi dan menerima kasih sayang. Keperluan keempat ialah keperluan kepada penghargaan terhadap diri sendiri dan menerima penghargaan daripada orang lain. Jika keperluan ini dapat dipenuhi, seseorang akan lebih berkeyakinan. Tahap yang kelima ialah keperluan kepada hasrat diri iaitu kesempurnaan diri. Keperluan ini ialah kebolehan menggunakan sepenuhnya potensi diri dan bakat (Maslow 1943). Ini menjelaskan keperluan manusia terbahagi kepada keperluan luaran (fizikal) dan keperluan dalaman (jiwa).

Konsep kesedaran sendiri (*self-actualization*) iaitu mencapai potensi diri sendiri yang memberi makna kepada diri dan kehidupan manusia. Menurut Maslow, manusia mempunyai kuasa dalaman untuk menghasilkan potensi bagi diri secara maksimum yang dikenali dengan istilah kesedaran sendiri. Manusia perlu melalui beberapa tahap untuk mencapai kesedaran sendiri iaitu tahap-tahap yang dinyatakan dalam teori lima tahap keperluan manusia. Manusia dianggap sempurna apabila manusia telah mencapai tahap kelima iaitu kesedaran sendiri. Ketika manusia dapat memenuhi tahap kesedaran sendiri manusia akan berada di tahap pengalaman puncak (*peak experience*) (Maslow 1943).

Menurut Maslow, manusia mempunyai tenaga yang berkembang secara sihat dan beliau percaya tenaga ini yang akan membangunkan manusia. Individu yang tidak sakit bukan bermakna dirinya sihat kerana kesihatan bukan sahaja dari segi fizikal namun merangkumi kesihatan mental. Keperluan manusia adalah diwarisi namun tingkah laku manusia adalah dipelajari. Peringkat awal iaitu zaman kanak-kanak adalah peringkat yang paling penting dalam perkembangan manusia dan tingkah laku manusia serta mempengaruhi pembentukan personaliti manusia. Beliau percaya bahawa manusia adalah baik dan kejahatan wujud disebabkan oleh pengaruh persekitaran yang tidak baik dan tidak sempurna. Kewujudan unsur

yang tidak baik dan kejahatan adalah berpunca daripada rasa kecewa yang dialami oleh manusia. perkembangan yang baik sangat dipengaruhi oleh kesedaran sendiri (Maslow 1968).

Kesedaran sendiri dimotivasi oleh keperluan-keperluan manusia yang dikenali dengan istilah *metamotivation* atau *b-values* (*being values*). Maslow menjelaskan bahawa manusia didorong oleh dua bentuk motif iaitu kekurangan (*deficiency motivation*) dan motif perkembangan (*growth motivation*). Motif kekurangan adalah seperti lapar (kekurangan makan), haus (kekurangan minum), dan sebagainya. Sementara itu, kesedaran sendiri didorong oleh motif perkembangan yang diistilahkan dengan *metamotivation* atau *b-values*. Menurut Maslow, kehadiran pengalaman puncak adalah tanda yang sangat penting kepada kesedaran sendiri (Maslow 1943).

KENAPA MANUSIA PERLU MELALUI LIMA TAHAP KEPERLUAN

Teori yang dikemukakan oleh Maslow adalah satu teori yang boleh dianggap memenuhi keperluan fizikal dan emosi manusia. Tahap-tahap yang disusun oleh beliau sesuai dengan kehendak manusia. Menurut Maslow, manusia perlu melalui lima tahap tersebut agar manusia mendapat kebahagiaan dan kepuasan dalam kehidupan. Menurut beliau lagi, lima tahap tersebut perlu dilalui untuk mencapai tahap kesedaran sendiri (Maslow 1943). Jika tahap-tahap tersebut tidak dapat dipenuhi akan memberi kesan yang negatif terhadap diri dan kehidupan manusia. Tahap keperluan tersebut perlu dipenuhi mengikut turutan agar keperluan di tahap seterusnya dapat dipenuhi dan dicapai oleh manusia.

Menurut Islam pula, kesedaran sendiri ialah kesedaran diri manusia tentang hakikat diri dan tujuan hidup iaitu manusia yang telah kembali kepada fitrah dirinya dengan mengakui keesaan Allah SWT sebagai pencipta. Manusia yang mempunyai kesedaran sendiri akan mampu mengembangkan potensi dirinya, terutamanya dalam pembangunan spiritual (Musliha Salma Mohd Radzi et al. 2010).

Lima tahap dalam Islam pula ialah lima *maqasid syariah* yang berperanan menjaga dan mengawal *kemaslahatan* kehidupan seorang Muslim (al-Syatibi 1997). Tahap pertama ialah menjaga dan memelihara agama yang menjadi tunggak kesejahteraan sejagat. Agama adalah keperluan keselamatan kepada setiap individu kerana beragama merupakan fitrah setiap manusia. Memelihara agama merupakan tujuan utama hukum Islam kerana agama merupakan pedoman hidup manusia. Akidah, akhlak dan ibadah merupakan aspek yang menjaga hubungan manusia dengan Tuhan serta hubungan manusia sesama manusia. Tahap kedua ialah menjaga dan memelihara jiwa. Syariat Islam menuntut manusia agar memelihara dan

mempertahankan hak hidup seperti makan, minum, mendapatkan tempat tinggal bagi setiap individu. Dalam hal muamalah pula disyariatkan jual beli dan dalam hal *jinayāt* pula disyariatkan *qiṣās*, *diyāt* dan sebagainya (al-Syaṭibiy 1997).

Tahap ketiga ialah menjaga dan memelihara akal. Manusia harus menjauhi perkara yang boleh merosak akal dan mensyariatkan supaya manusia memanfaatkan akal. Oleh kerana itu, hukuman yang berat bagi orang yang minum arak. Malah Islam mewajibkan setiap umat menuntut ilmu agar akal dapat dimanfaatkan dan dipelihara. Seterusnya tahap keempat, menjaga dan memelihara keturunan. Islam mengharamkan zina dan menegakkan hukuman yang berat kepada pelakunya. Islam mensyariatkan perkahwinan untuk menjaga kemuliaan manusia. Tahap yang kelima ialah menjaga dan memelihara harta. Islam mensyariatkan manusia untuk mendapatkan harta melalui jalan yang benar seperti jual beli, sewa dan sebagainya. Islam menegakkan hukuman terhadap pesalah yang menceroboh harta orang lain seperti hukuman potong tangan terhadap pencuri (al-Syaṭibiy 1997). Begitulah Islam menjaga dan memelihara kemaslahatan manusia melalui hukum syariah. Kemaslahatan umat Islam khususnya akan terjamin jika kelima-lima *maqasid syariah* tersebut dijaga dan sebaliknya umat Islam akan binasa jika kelima-limanya tidak dijaga.

KONSEP KEHIDUPAN MUSLIM MENURUT ISLAM

Kehidupan Muslim terbina atas dasar akidah, akhlak dan syariah. Ketiga-tiga asas ini merangkumi keseluruhan kehidupan kaum Muslim iaitu dari segi aspek keyakinan, ibadah dan tingkah laku. Asas ini merupakan ciri khusus bagi kehidupan Muslim yang menjaga hubungan antara sesama manusia, alam sekitar dan pencipta. Keyakinan terhadap keesaan Allah SWT merupakan tunjang utama dalam kehidupan seorang Muslim. Seorang Muslim wajib mentauhidkan Allah SWT tauhid dengan *ulūḥiyyah*, *rububiyyah* dan *asmā' wa al-Ṣifat*. Tauhid *ulūḥiyyah* ialah meyakini bahawa Allah SWT adalah tuhan yang esa dan hanya Allah SWT sahaja yang wajib disembah, tauhid *rububiyyah* pula ialah meyakini bahawa Allah SWT yang memiliki segala yang di langit dan dibumi dan tauhid *asmā' wa al-Ṣifat* pula meyakini dan beramal dengan sifat dan nama-namanya (Fauzi Hamat 2002).

Syariah Islam mengatur kehidupan seorang Muslim dalam hubungan dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam. Syariah memandu kehidupan manusia ke jalan yang lurus dan benar agar tidak terpesong daripada landasan kehendak Allah SWT ia berfungsi sebagai penyelamat kepada manusia di dunia ini. Hukum yang terkandung dalam syariah Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan iaitu aspek ibadah, *mu'āmalah*, *jinayāt* dan *munākahāt*.

Setiap Muslim diwajibkan melaksanakan ibadah fardu ain dan ibadah fardu kifayah mengikut ketentuan syariat Islam. Kehidupan setiap Muslim yang *mukallaf* terikat pula dengan hukum *taklifiy* yang mengawal setiap muslim agar tidak terkeluar dari sempadan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Mudawan 2012).

Akhlak ialah keadaan jiwa yang mempunyai potensi yang boleh memantulkan atau menzahirkan sesuatu sama ada memberi atau menahan. Dalam erti kata lain, akhlak itu ibarat keadaan jiwa yang bersifat batiniah yang menghasilkan perbuatan tanpa pertimbangan akal. Akhlak terbahagi kepada dua iaitu akhlak *mahmudah* (terpuji) dan akhlak *mazmumah* (tercela) (al-Ghazālī 1998). Akhlak merupakan sistem moral yang berdasarkan keimanan kepada Allah SWT. Akhlak Islam berkait rapat dengan Islam sebagai *al-Dīn* ataupun cara hidup yang bersifat *syumul*. Akhlak seorang Muslim terbahagi pula kepada akhlak terhadap Allah seperti mentaati perintah-Nya, akhlak terhadap diri sendiri seperti menjaga kebersihan, akhlak terhadap keluarga seperti mentaati ibubapa, akhlak terhadap masyarakat seperti tolong-menolong dan akhlak terhadap alam sekitar seperti menjaga kebersihan (Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim 2006).

Natijah daripada kehidupan Muslim ialah meraih kebahagiaan di dunia dan di akhirat dengan bertemu dengan Allah SWT. Kehidupan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah mengatur kehidupan manusia dalam pelbagai aspek baik individu dan masyarakat, dunia dan akhirat. Syaria Islam telah menjelaskan panduan kehidupan yang wajar dipatuhi oleh setiap Muslim dalam segala aspek baik sosial, ekonomi, politik dan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara (Haron Din et al. 1985).

PERBINCANGAN

Teori Maslow boleh dianggap sesuai terhadap kehidupan manusia berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan. Teori Maslow sesuai untuk diaplikasikan bagi mengukur tahap kepuasan dalam kehidupan dan memberi motivasi kepada manusia untuk terus bergerak ke hadapan. Teori Maslow diguna pakai dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, pekerjaan, pentadbiran, kaunseling dan sebagainya. Antara kekuatan teori Maslow ialah dapat diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti pembelajaran, sektor pekerjaan, sesi kaunseling, pentadbiran dan sebagainya. Ini kerana, teori Maslow ialah satu teori motivasi yang memotivasikan manusia untuk bergerak supaya memajukan diri. Oleh yang demikian, pelbagai agensi, sekolah dan institusi telah melakukan kajian dengan mengaplikasikan teori Maslow dalam sektor masing-masing (Ardrey 1970; Colin 2011; Little 1957; Ratna Syifa'a Rachmahana 2008; Uci 2013).

Namun begitu, antara kelemahan dalam teori Maslow ialah kesempurnaan manusia diukur apabila manusia dapat mencapai tahap tertinggi dalam kehidupan seperti yang digambarkan dalam teori hierarki keperluan manusia. Tahap paling atas ialah kesedaran sendiri dimana manusia menggunakan kemampuan untuk mencapai tahap paling tinggi dalam kehidupan. Maslow menjelaskan manusia akan menjadi sempurna apabila tahap ini dapat dicapai namun tidak semua manusia mampu untuk mencapai tahap paling tinggi dalam kehidupan (Bakhtiar 2011). Teori Maslow juga menyatakan pembentukan tingkah laku manusia hanya berlaku apabila manusia ingin mencapai sesuatu tahap tertinggi dalam kehidupannya. Maslow sentiasa menilai tingkah laku manusia sebagai suatu perbuatan baik dan mulia dengan tujuan mendapatkan kesejahteraan kehidupan individu tersebut. Maslow berpendapat perbuatan jenayah sebagai suatu yang mulia dengan beranggapan bahawa tingkah laku penjenayah tersebut adalah untuk mendapat kesejahteraan dalam hidupnya (Norsaleha Mohd. Salleh et al. 2015).

Malik Bennabi telah menjelaskan kelemahan-kelemahan teori Barat antaranya ialah kelemahan intelektualisme iaitu kerapuhan nilai. Pertama, nilai kebenaran yang menjadi sandaran nilai intelektual Barat ialah nilai sosial yang sangat rapuh. Nilai sosial tidak mempunyai nilai kebenaran yang tetap lantaran kerapuhannya dalam menempuhi era dan sempadan kebudayaan. Nilai intelektual Barat tidak mewakili *world view* masyarakat dan agama lain. Kedua, nilai intelektual Barat bersifat prejudis yang menilai tamadun di luar Eropah dengan penilaian yang sempit dan ketiga, nilai intelektual Barat bertolak daripada pengalaman individu yang bergelar intelektual dan saintis yang kemudiannya disebarikan walaupun belum cukup matang. Malik menjelaskan lagi, agama merupakan syarat kepada kemajuan sesuatu tamadun (Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamad 2004). Begitu juga dengan pendapat Ibn `Asyur (1992), beliau menjelaskan keyakinan ketuhanan adalah asas penting kepada peradaban Islam baik dari segi material ataupun spiritual.

Konsep kehidupan Islam mempunyai kelebihan berbanding teori Maslow kerana konsep kehidupan dalam Islam menjaga keseluruhan kehidupan manusia tanpa batasan waktu dan zaman bahkan konsep kehidupan dalam Islam sesuai diaplikasikan dalam kehidupan bukan Muslim. Ini kerana, ciri-ciri ajaran dalam agama Islam yang bersifat *syumul*, universal dan sarwajagat. Islam ialah cara hidup untuk manusia yang dibentuk berasaskan ilmu dan ini berbeza berbanding dengan sistem lain atau teori yang telah dikemukakan oleh Maslow. Sistem selain daripada Islam dibentuk berasaskan kejahilan dan kekurangan manusia. Oleh yang demikian, teori ini terdedah kepada kelemahan, tidak adil dan boleh berubah-ubah kerana ia dibina mengikut kehendak nafsu manusia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, teori Maslow mempunyai perkaitannya dengan kehidupan Muslim akan tetapi dalam konsep kehidupan Muslim, seorang Muslim wajar meletakkan asas ketuhanan sebagai tapak atau dasar dan kemudiannya barulah kesemua keperluan dipenuhi bersandarkan dan berdasarkan aspek ketuhanan. Ini kerana konsep kehidupan Muslim adalah mengutamakan kehendak Allah SWT berbanding kehendak nafsu manusia. Konsep kehidupan yang dianjurkan oleh Islam yang bersifat *syumul* adalah lebih wajar untuk diaplikasikan dalam kehidupan seorang Muslim. Lima tahap yang terkandung dalam *maqasid syariah* telah melengkapkan keperluan kehidupan seorang Muslim untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan.

Oleh yang demikian, ilmu agama sangat penting untuk menilai sesuatu perkara dengan menggunakan mata hati. Kurangnya ilmu akan menjadikan seseorang Muslim mengutamakan kehendak nafsu berbanding tuntutan agama. Ditambah pula dengan pengaruh dari teori Barat yang amat kuat sehingga menjadikan segelintir golongan Muslim memandang ringan terhadap kehendak agama. Bagi mereka agama seolah-oleh sesuatu yang ketinggalan zaman malah menganggap agama adalah sesuatu yang mengongkong kehidupan dan hak manusia. Golongan ini tidak menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai ikutan malah hanya mengikut sahaja kehendak hati dan akalunya.

RUJUKAN

- Ardrey, R. 1970. *The Social Contract*. New York: Dell.
- Azizi Yahaya. 2005. *Psikologi Kognitif*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bakhtiar H. Siddiqui. 2011. Miskawaih's thought of human personality. *Intellectual Discourse* 9(1): 29-46.
- Child. 1973. *Humanistic Psychology and the Research Tradition*. New York: Wiley.
- Colin. W. Lambert. 2011. An application of Abraham Maslow's hierarchy of needs to caunselling practice. *Summer Intensive* 2011: 1-11.
- Encarnacion, J. 1964. A note on lexicographical preferences. *Econometrica* 32 (1-2): 215-217.
- Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamad. 2004. *Krisis Intelektual dalam Pemikiran Malik Bennabi: Fokus Terhadap Karya Musykilat al-Thaqafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2006. Pendekatan psikologi dalam pendidikan akhlak muslim sebagai pemangkin pembangunan insan dan tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu* 17 (2006): 290-306.
- Fauzi Hamat. 2002. Peranan Akidah dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis dalam Konteks Masyarakat Kini. Kertas kerja Persidangan Seminar Pemikiran dan Penghayatan Islam. Anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kelantan, 26 Oktober.
- al-Ghazālī, Ābi Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad. 1998. *Iḥyā' 'Ulūm al-dīn*. Kaherah: Dar al-Ḥadīth.
- Haron Din, Sulaiman Yasin, Hassan Salleh & Sidi Ghazalba. 1985. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: PDRM.
- Ibn 'Āsyur, Muhammad Ibn 'Āsyur. 1992. *Rūḥ al-Haḍārah Islāmiyyah*. Virginia: Institue of Islamic Thought.
- Lavoie, M. 2004. Post-Keynesian consumer theory: Potential synergies in consumer research and economic psychology. *Journal of Economic Psychology* 25: 639-49.
- Little, I. M. D. 1957. *A Critique of Welfare Economics*. Oxford: Clarendon Press.
- Maslow, Abraham H. 1943. A theory of human motivation. *Psychological Review* 24: 843-853.
- Maslow, Araham H. 1943. A Theory of Human Motivation. *Psychological Review* 5(4): 370-396.
- Maslow, Abraham H. 1954. *Motivation and Personality*. New York: Harper & Brothers.
- Maslow, Abraham H. 1968. *Toward a Psychology of Being*. New York: D. Van Nostrand.
- Mudawan, Syafaul. 2012. Syariah fiqh-hukum islam studi tentang konstruksi pemikiran kontemporeri. *Jurnal Ilmu Syariah dan Hukum* 46(11): 403-450.
- Musliha Salma Mohd Radzi, Rohana Hamzah & Amimudin Udin. 2010. Menyelesaikan masalah akhlak pelajar: Analisis penerapan kemahiran generik dalam amalan pendidikan. *Journal of Edupress* 1(2011): 223-229.
- Norsaleha Mohd. Salleh, Ahmad Munawar Ismail, Noor Hafizah Mohd Haridi & Zainora Daud. 2015. Pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia islam di Malaysia: Satu kajian rintis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11(Edisi Khas): 40-55.

- Nedra H. Francis & William Allan Kritsonis. 2006. A brief analysis of Abraham Maslow's original writing of self-actualizing people: A study of psychological health. *National Journal of Publishing and Mentoring Doctoral Student Research* 3(1): 1-7.
- Ratna Syifa'a Rachmahana. 2008. Psikologi humanistik dan aplikasinya dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam* 1(1): 99-114.
- al-Syaṭibi, Ābī Ishaq al-Syaṭibi. 1997. *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Syarīah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Uci Sanusi. 2013. Pembelajaran dengan pendekatan humanistik: Penelitian terhadap MTs Negeri Model Cigugur Kuningan. *Jurnal Pendidikan Agama Islam* 11(2): 123-142.

